



**Permodalan Nasional Berhad**

(38218-X)

**Untuk Siaran Segera**

30 September 2015

### **AS 1MALAYSIA UMUM AGIHAN PENDAPATAN 6.40 SEN SEUNIT**

**KUALA LUMPUR** - Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) mengumumkan pengagihan pendapatan sebanyak 6.40 sen seunit untuk Amanah Saham 1Malaysia (AS 1Malaysia) bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2015.

Kadar pengagihan pendapatan tersebut membabitkan pembayaran berjumlah RM694.96 juta, peningkatan sebanyak 5.6% berbanding RM657.96 juta jumlah pembayaran pada tahun sebelumnya.

Pengerusi PNB, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid berkata pengagihan pendapatan ini akan dapat dimanfaatkan oleh seramai 395,036 pemegang unit yang telah melanggan 10.9 bilion unit AS 1Malaysia.

Sehingga 28 September 2015, tabung AS 1Malaysia memperoleh pendapatan kasar sebanyak RM813.57 juta. Keuntungan daripada penjualan saham dalam syarikat-syarikat menyumbang sebanyak RM431.35 juta atau 53.0%, manakala pendapatan dividen daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat pula menyumbang sebanyak RM233.75 juta atau 28.7% daripada jumlah pendapatan kasar tersebut. Baki selebihnya sebanyak RM148.47 juta atau 18.3% diperoleh melalui pendapatan daripada pelaburan dalam instrumen-instrumen jangka pendek dan lain-lain pendapatan.

Beliau menambah, berdasarkan persekitaran ekonomi dan pasaran semasa, pengurus pelaburan AS 1Malaysia perlu memberi keutamaan kepada pengekalan modal tabung di samping keupayaan tabung dalam menjana pengagihan pendapatan yang bersesuaian dengan keadaan persekitaran semasa.

“Kadar pengagihan pendapatan AS 1Malaysia ini adalah berpatutan jika dibandingkan dengan instrumen-instrumen pelaburan lain yang sesuai dijadikan perbandingan,” ujar beliau lagi.

Pengiraan pengagihan pendapatan AS 1Malaysia ini adalah berdasarkan purata baki pegangan minima bulanan bagi tempoh pelaburan sepanjang tahun kewangan tabung tersebut.

Pengagihan pendapatan AS 1Malaysia akan dilaksanakan melalui pelaburan semula yang akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun para pemegang unit pada 1 Oktober 2015. Semua urusan niaga bagi AS 1Malaysia telahpun ditangguhkan mulai 24 September 2015 sehingga 30 September 2015 bagi tujuan pengiraan pengagihan pendapatan.

Para pemegang unit boleh mengemaskinikan buku pelaburan masing-masing di Ibu Pejabat, pejabat-pejabat atau ejen-ejen ASNB di seluruh negara mulai 1 Oktober 2015.

Bagi pemegang unit yang melanggan unit-unit AS 1Malaysia menerusi Skim Pelaburan Ahli KWSP, pembayaran pengagihan pendapatan akan dikreditkan ke dalam akaun pelaburan KWSP yang berkenaan.

Penyata pengagihan pendapatan serta laporan tahunan akan dihantar mulai pertengahan bulan November 2015.

Tabung AS 1Malaysia juga merupakan instrumen pelaburan yang digunakan bagi menjayakan Skim Amanah Rakyat 1Malaysia (SARA 1Malaysia) iaitu suatu skim khas yang diperkenalkan oleh Kerajaan bagi menggalakkan penyertaan golongan berpendapatan rendah menabung dan melabur di samping membantu mereka menangani kesan kenaikan kos sara hidup semasa.

**Dikeluarkan oleh :  
PERMODALAN NASIONAL BERHAD**

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:  
AMINAH HAJI MAHADI  
Pengurus Kanan  
Jabatan Komunikasi Korporat  
Tel : 03-2050 5445  
Faks: 03-2050 5268  
e-mel: aminah\_hm@pnb.com.my**